

47 mahasiswa UMS sertai Kursus Protokol dan Etika Siri 1

UB 25-05-2012 B4

KOTA KINABALU: Bahagian Pengembangan Potensi Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) telah menganjurkan Kursus Protokol dan Etika Sosial Siri 1 yang berlangsung pada 17 Mei lepas bertempat di Bangunan Anjung Siswa, HEP.

Kursus yang berobjektifkan untuk memberi pengetahuan dan kemahiran asas dalam pengurusan majlis dan asas protokol majlis disertai seramai 47 orang mahasiswa.

Penyelaras program, Norhana Nordin, berkata penganjuran kursus ini dapat membantu para pelajar

mengenalpasti perkara-perkara utama dalam pengurusan majlis sekaligus mempelajari teori dan amali menguruskan majlis serta kemahiran protokol, etika dan komunikasi.

Katanya, sebanyak tiga modul telah dipelajari berkaitan pengurusan protokol sepanjang hari itu antaranya, Pengenalan kepada Amalan Protokol, Pengendalian Protokol bagi Majlis Rasmi dan Pengendalian Etika Sosial.

"Kursus ini telah disampaikan oleh Mohd Hilmey Saili, pegawai dari Bahagian Perhubungan Korporat UMS selaku

penceramah program," katanya.

Katanya, dalam pengurusan dan perlaksanaan majlis dengan sempurna bukan sahaja akan dapat mencapai matlamat dan objektifnya, tetapi juga dapat mengelakkan pembaziran masa, kos dan tenaga.

Sehubungan itu katanya, kursus ini turut memberi gambaran positif bukan sahaja terhadap organisasi dan penganjur, malahan terhadap individu yang terlibat.

Dengannya, para pelajar akan lebih yakin dalam menjalankan sesuatu aktiviti atau program yang melibatkan acara protokol di peringkat UMS," katanya.



NORHANA merakamkan album kenangan bersama para peserta kursus.